

Impak cuaca panas

Dengan catatan suhu setinggi 38.1 darjah Celcius awal Mac lalu, sejauh manakah cuaca panas yang melampau akibat El Nino dan pemanasan global boleh menjejaskan manusia dan rantainya?

FENOMENA cuaca panas melampau dengan suhu sehingga 38.1 darjah Celcius yang melanda negara turut dialami oleh beberapa buah negara Asia seperti Indonesia dan Filipina. Tidak terkecuali Australia.

Namun apa yang dialami oleh penduduk negara ini mungkin tidak seburuk di Afrika Tenggara, India dan Brazil utara yang terpaksa berhadapan dengan cuaca lebih panas dan kering. Suhu normal di Malaysia ialah 32 darjah Celcius.

Meskipun fenomena itu jarang berlaku, namun kesannya cukup dirasai oleh sebahagian besar penduduk di negara ini. Kepada mere-

ka yang banyak menghabiskan sebahagian besar waktu bekerja di luar, cuaca panas mengakibatkan rasa tidak selesa. Di sesetengah kawasan, cuaca panas mengakibatkan kebakaran hutan dan tanah kering mengakibatkan tanaman mati.

Persoalannya, apakah punca berlakunya cuaca panas yang melampau itu? Menurut Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi, Dr. Yap Kok Seng, kedudukan matahari yang hampir tegak di kawasan khatulistiwa dan liputan awan yang berkurangan antara faktor penyumbang keadaan tersebut.

Keadaan itu diburukkan lagi dengan fenomena El-Nino sederhana yang berlaku di Lautan Pasifik Tengah.

"Cuaca panas dan kering ini bermula pada bulan Februari hingga pertengahan Mac 2010 di negeri-negeri di utara Semenanjung, Sabah dan utara Sarawak," katanya.

El-Nino adalah fenomena pemanasan suhu permukaan laut yang berlaku setiap tahun di timur Lautan Pasifik berhampiran luar pantai Peru. Ia menyebabkan rantaian perubahan iklim berlaku di seluruh dunia.



keterlaluan boien mengakibatkan air sungai surut.



ORANG ramai dinasihatkan supaya minum banyak air ketika cuaca panas.

Kesannya turut dirasakan di banyak negara termasuk di Asia Tenggara.

El-Nino pernah melanda negara sebanyak 12 kali di antara tahun 1951 hingga tahun 1998. Kejadian El-Nino yang terburuk berlaku sebanyak dua kali iaitu pada tahun 1982 hingga tahun 1983, 1997 dan 1998.

Tahun 1998 merupakan tahun yang merekodkan suhu tertinggi dengan 50 peratus daripada rekod suhu tertinggi dicatatkan. Krisis bekalan air di Lembah Kelang dan masalah jerebu menjadi isu besar.

Pada tahun yang sama, beberapa buah negara-negara di Asia iaitu Indonesia, Singapura, Brunei dan Thailand turut merasai impak yang sama. Cuaca panas juga meningkatkan kes penyakit seperti taun, demam denggi dan malaria.

Walaupun bagaimanapun katanya, hujan mula turun bermula minggu ketiga bulan Mac lalu bagi mengurangkan sedikit impak cuaca panas dan kering yang berlaku. >>

CUACA panas yang melampau mengakibatkan kemarau di sesetengah kawasan di Semenanjung Malaysia.

Penurunan paras air

Fenomena cuaca panas dan kering kata Kok Seng dijangka berterusan sehingga Mei 2010. Begitu juga di Sabah. Bahagian pedalaman, pantai barat dan Wilayah Persekutuan Labuan dijangka menerima hujan di antara 20 peratus hingga 40 peratus kurang daripada paras purata. Bahagian-bahagian lain dijangka menerima hujan pada paras normal.

Menurut Kok Seng, seluruh negeri Sarawak dijangka kembali menerima hujan pada paras purata untuk sepanjang April hingga Jun 2010.

"Suhu tertinggi yang pernah dicatatkan di Stesen Meteorologi Chuping, Perlis sepanjang musim panas ialah 38.1 darjah Celsius pada 9 Mac 2010 berbanding 40.1 darjah Celsius di tempat yang sama pada tahun 1998.

"Kesan kehadiran El-Nino yang sederhana kuat ini, taburan hujan di Sabah dan negeri-negeri di utara Semenanjung berada di bawah paras purata bagi bulan Februari sehingga pertengahan Mac 2010.

El-Nino bukan sahaja memberi kesan kepada manusia bahkan ia mengakibatkan penurunan paras air di beberapa buah kawasan tadahan air di negeri ini.

Sementara itu, beberapa kawasan di Malaysia turut mengalami musim kemarau dan paras air di empangan dan sungai yang surut.

Beberapa kawasan di utara Semenanjung seperti Perlis dan utara Kedah serta kebanyakan bahagian di Sabah mencatat Indeks Penilaian Kebakaran yang tinggi. Hutan di kawasan ini mudah terbakar dan jika berlaku kebakaran ia mudah merebak dan sukar dikawal.



KOK SENG



PIHAK bomba sentiasa memantau kawasan yang kerap berlaku kebakaran.

KOSMO 14/04/2010 MIS 19 dan Sarawak.

Adakah fenomena yang berlaku mempunyai hubungan kait dengan pemanasan global? "Pemanasan global juga dikaitkan dengan kemarau, kekerapan ribut petir, peningkatan intensiti taufan, peningkatan paras laut, pengurangan lapisan ais dan sebagainya,"

kata Kok Seng.

Sementara itu, Ketua Unit Komunikasi Korporat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Morni Mamat memberitahu, kebanyakan kebakaran hutan disebabkan perbuatan manusia untuk tujuan pertanian atau jahat.

Menurutnya, kebakaran hutan di Malaysia biasanya melibatkan kawasan tanah peri atau tanah gambut. "Ia jarang melibatkan hutan, kecuali kejadian jeribu pada tahun 1998 di negeri Sabah

Selain itu, pihak bomba juga akan mengingatkan orang ramai supaya tidak membuat pembakaran terbuka.

Adakah cuti anggota bomba dibekukan apabila cuaca panas melanda negara? Morni memberitahu, cuti rehat anggota tidak akan dibekukan kecuali berlaku kejadian bencana seperti kebakaran hutan, banjir dan sebagainya.

Bagaimanapun, bagi anggota yang dibenarkan bercuti, mereka boleh dipanggil bertugas pada bila-bila masa sekiranya khidmat mereka diperlukan.

Seperti anggota pasukan keselamatan yang lain, pegawai di jabatan itu juga perlu meninggalkan alamat dan nombor telefon yang boleh dihubungi di balai bomba berhampiran jika keadaan mendesak mereka apabila dipanggil bertugas.

"Cuaca panas yang terlampau boleh menyebabkan seseorang itu kerap berpeluh. Kesannya cecair dalam tubuh akan berkurangan sekali gus menyebabkan individu terbahit cepat rasa letih dan kurang bertenaga," kata Timbalan Pengarah Perubatan Hospital Kuala Lumpur (HKL), Dr. Lailanor Ibrahim.

Tambahnya, cuaca panas juga boleh menyebabkan gangguan emosi kepada sesetengah orang akibat rasa tidak selesa dengan persekitaran atau terdedah dengan cuaca panas.

Sehubungan itu, orang ramai dinasihatkan supaya minum banyak air, kurangkan aktiviti di luar dan jika tidak dapat dielakkan pakailah topi atau payung.

"Makan banyak buah-buahan yang mengandungi banyak air, pakai pakaian yang cerah kerana pakaian berwarna gelap menyerap haba," ujarnya.

Bagaimanapun kata Lailanor, suhu di negara kita tidaklah sepanas negara-negara di Asia Barat hingga seseorang itu boleh mengalami strok haba (*heat stroke*).

Mencegah berulangnya krisis air 1998

CUACA panas yang berpanjangan dan taburan hujan yang terhad mengakibatkan penduduk di sesetengah negeri terpaksa berhadapan dengan catuan air.

Adakah keadaan panas berpanjangan itu akan menyebabkan krisis air yang berlaku pada tahun 1998 akan berulang?

Pengerusi Majlis Profesional Air dan Teknologi Hijau (Proatek), Khairy Yeob memberitahu kemungkinan besar krisis air yang melanda negara pada tahun 1998 akan berulang jika langkah-langkah penjimatan tidak dilakukan.

Menurut Khairy, cuaca panas bukanlah faktor utama bekalan air berkurangan tetapi penggunaan air secara tidak berhemah dan pembaziran menyumbang kepada masalah itu.

Sehubungan itu, kerajaan perlu mencari sumber air alternatif selain kawasan tadahan air sedia ada kerana ia tidak mampu menampung permintaan pengguna lebih-lebih lagi pada musim panas atau kemarau.

"Menjelang tahun 2012 hingga 2015 bekalan air di Selangor tidak men-

cukupi jika kerajaan tidak melakukan pelan pemindahan air dari Pahang.

"Kerajaan perlu mengambil langkah bijak untuk mengambil air dari Pahang, namun sumber air lestari juga perlu dilakukan sebagai jaminan bekalan yang berterusan," katanya kepada *Kosmo!* baru-baru ini.

Tambah Khairy, sumber air tanah boleh dijadikan sumber alternatif bagi mengekang masalah kekurangan bekalan air.

Bagaimanapun, katanya pihak terbabit perlu memastikan teknologi yang bakal digunakan harus ada kawalan.

"Potensi sumber air tanah harus dimanfaatkan kerana sumber tersebut tidak akan berkurangan.

"Pengurusan lestari perlu ada dalam pembangunan air tanah bagi mengelakkan krisis air. Denmark contohnya, menggunakan 100 peratus air tanah," kata Setiausaha Agung Proatek, Ir. Mohamad Asari Daud.

Kekurangan sumber air kini semakin dirasai. Wilayah Persekutuan Labuan dan Melaka misalnya sudah habis sumber air

dan terpaksa mendapatkan bekalan dari negeri berhampiran.

Kekurangan bekalan air berlaku kerana negara terlalu bergantung kepada sumber air seperti sungai dan kawasan tadahan air, walhal hujan tidak selalu turun di tempat-tempat sebegini.

Cuaca katanya, mempengaruhi aliran bekalan air. Kemungkinan besar kita akan menghadapi krisis air seperti tahun 1998.

"Paras air pada Jun tahun lalu men-

catkan paras yang rendah. Jadi kita perlu sentiasa bersedia. Jika tidak ada hujan di kawasan tadahan sekitar bulan April, kita perlu segera lakukan langkah-langkah penjimatan.

"Jangan hanya mempraktikkan langkah penjimatan semasa krisis air sahaja," ujarnya.

Tegas Mohamad Asari, krisis pada tahun 1998 sepatutnya menjadi pengajaran kepada orang ramai untuk menjimatkan penggunaan air supaya kejadian itu tidak berulang.



KHAIRY



ASARI



LANGKAH penjimatan air seharusnya dilakukan dari semasa ke semasa.